

15 MAY 2000

Mahathir-Belia

IDEALISME BELIA PENTING UNTUK MEMAJUKAN NEGARA, KATA MAHATHIR

KUANTAN, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata idealisme belia amat penting untuk membawa negara ke tahap yang lebih maju daripada sekarang.

Katanya, segala-galanya boleh dilakukan sekiranya golongan belia mempunyai cita-cita besar dan idealisme untuk menjadikan negara lebih kuat dan maju.

"Mungkin kita gagal dan tidak mencapai kejayaan sepenuhnya, tetapi tanpa idealisme, belia kita akan terus berada di takuk lama," kata beliau semasa melancarkan Perhimpunan Hari Belia Negara 2000 di Stadium Tertutup SUKPA.

Lebih 5,000 belia dari seluruh negara menghadiri majlis yang pertama kali diadakan di luar Kuala Lumpur itu.

Turut hadir ialah isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Dr Mahathir berkata jika belia tidak mempunyai idealisme lagi, sudah tentu mereka tidak akan dapat melaksanakan apa yang sebenarnya boleh dicapai. Sebaliknya, jika mereka mengatakan boleh, sudah tentu sedikit-sebanyak mereka akan cuba untuk melakukannya.

Perdana Menteri berkata jika pemikiran golongan belia sudah beku dan mereka tidak boleh memikirkan bahawa negara boleh terus maju dengan pesat, maka sudah tentu negara tidak akan berkembang dan berjaya.

Dr Mahathir berkata selain mempunyai idealisme yang penting untuk negara, golongan belia juga perlu mengisi diri dengan ilmu pengetahuan.

Bagaimanapun, katanya, idealisme dan ilmu tidak akan berguna tanpa adanya nilai-nilai hidup yang baik kerana ilmu pengetahuan akan membawa keburukan jika tidak berpegang kepada nilai-nilai mulia.

Hal itu adalah sama seperti seorang yang diajar untuk membuat bom tangan bagi memerangi musuh, tetapi menggunakan pengetahuan yang diperolehinya itu untuk menyamun orang lain, katanya.

"Saya berharap dalam usaha kita untuk membekalkan ilmu dan membangunkan idealisme belia, kita juga akan menumpukan kepada nilai-nilai mulia supaya dapat mewujudkan budaya yang dapat membangunkan diri dan masyarakat kita," katanya.

Dr Mahathir juga meminta golongan belia supaya merenung sejarah diri dan bersyukur atas nasib baik yang mereka alami supaya timbul minat untuk bekerja dengan lebih kuat lagi.

Katanya, rasa syukur itu perlu ada, lebih-lebih lagi jika dibandingkan dengan nasib yang dilalui golongan belia di beberapa negara yang tidak mempunyai masa depan yang cerah.

Beliau turut mengingatkan golongan belia supaya dapat menerapkan nilai-nilai dan budaya yang sesuai dengan keadaan negara.

"Inilah tempat tinggal kita dan tempat kita merasai banyak nikmat dan peluang. Majukanlah lagi idealisme, ilmu, budaya dan keinsafan kita tentang nasib baik yang kita alami ini," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

ROS ES NMO